

AMALAN TERBAIK GURU DALAM PENGURUSAN PERSEKITARAN FIZIKAL DAN AKTIVITI PRASEKOLAH

Nayli Imanina binti Md Isa
nayli11-891@epembelajaran.edu.my
Rohani bt Husaini, PhD
rohani124@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam

Abstrak

Guru memainkan peranan yang penting sebagai pengurus bilik darjah. Pelaksanaan amalan pengurusan yang berkesan oleh guru akan membantu proses pembelajaran murid. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka amalan guru dalam dua dimensi pengurusan utama iaitu pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah serta perancangan dan pelaksanaan aktiviti khususnya di prasekolah. Kajian ini berbentuk kualitatif dan melibatkan persampelan bertujuan yang terdiri daripada dua orang guru prasekolah dari berbeza lokasi. Pengumpulan data pula dibuat menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Beberapa tema telah terhasil daripada dapatan dua persoalan kajian. Antara dapatan amalan guru dari segi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah adalah susun atur sesuai, ruang pembelajaran menarik, sumber bahan mudah diakses, sudut pembelajaran dikemaskini, pencahayaan dan pengudaraan mencukupi serta rutin penjagaan kebersihan dan keselamatan. Manakala, pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti pula menunjukkan guru mengamalkan aktiviti beresuaian perkembangan, pementoran dalam kalangan murid, pemilihan BBM yang sesuai dan menarik serta mengintegrasikan elemen tambahan dalam aktiviti. Melalui kajian ini, guru prasekolah mendapat panduan dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan bilik darjah dengan cara yang lebih kreatif dan berkesan.

Kata kunci : Amalan terbaik, pengurusan, persekitaran fizikal, aktiviti, prasekolah


Abstract

Teachers play an important role as classroom managers. The implementation of effective management practices by teachers will help the student learning process. Accordingly, this study was conducted to explore the practice of teachers in two main management dimensions, namely the management of the physical environment of the classroom as well as the planning and implementation of activities, especially in preschool. The study was qualitative in nature and involved purposive sampling consisting of two preschool teachers from different locations. Data collection was done using interviews and document analysis. Several themes have emerged from the findings of the two research questions. Among the findings of teachers' practice in managing the classroom's physical environment are appropriate layout, attractive learning space, easily accessible material resources, updated learning corners, adequate lighting, and ventilation as well as hygiene and safety routines. Meanwhile, the management of planning and implementation of activities shows that teachers practice developmentally appropriate activities, mentoring among students, selection of appropriate and interesting fuel as well as integration of additional elements in activities. Through this study, preschool teachers get guidance in terms of knowledge and skills in managing the classroom in a more creative and effective way.

Keywords: Best practices, management, physical environment, activities, preschool

Menurut Danielson (2006) dalam kajian Khalip & Rofidah (2018), guru merupakan pemimpin di dalam bilik darjah. Jadi, sebagai pemimpin, guru bertanggungjawab untuk menguruskan bilik darjah dengan baik. Peranan tersebut disokong oleh Aney, Marinda & Norasmah (2019) yang menyatakan guru juga merupakan pengurus bilik darjah. Hal ini jelas menunjukkan guru memainkan peranan yang penting dalam memastikan suasana bilik darjah yang kondusif perlu disediakan untuk murid belajar. Namun begitu, pengurusan bilik darjah ini merangkumi pelbagai aspek dan skop yang luas. Salah satunya adalah pengurusan persekitaran fizikal dan aktiviti di prasekolah.

Sebuah organisasi terkemuka dalam dunia Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) iaitu *National Association Early Young Children* (NAEYC) telah menggariskan 10 standard piawaian sebagai akreditasi untuk menentukan kualiti program yang dilaksanakan di sesebuah pusat PAKK seperti prasekolah. Antara standard tersebut adalah aspek pengajaran, persekitaran fizikal, kepimpinan dan pengurusan. (NAEYC, 2011). Maka, jelaslah bahawa pengurusan persekitaran fizikal dan aktiviti dalam kalangan guru prasekolah perlu dititikberatkan untuk menjaga kualiti perkhidmatan yang diberikan. Justeru itu, kajian ini akan meneroka apakah amalan guru dalam menguruskan aspek persekitaran fizikal dan aktiviti supaya dapat membantu proses pembelajaran murid. Rajah 1 di bawah menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini.



Rajah 1 Kerangka Konseptual Kajian.

Rajah 1 di atas menunjukkan kerangka konseptual tentang gambaran pelaksanaan dan proses keseluruhan kajian ini yang dibina berdasarkan model input-output pengajaran berkesan oleh Slavin (1994). Konsep model tersebut disesuaikan berdasarkan model kajian ini dari sudut amalan pengurusan dalam kalangan guru prasekolah. Pertamanya, kajian ini bersumberkan dua input sebagai panduan utama iaitu guru prasekolah sebagai peserta kajian sasaran utama dan 'Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah' yang dibangunkan oleh pengkaji lepas iaitu Noor Azman, Mazlina dan Hamidah (2020). Daripada model tersebut, dua dimensi pengurusan utama telah dipilih untuk dikaji iaitu pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah dengan pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti. Melalui kajian ini, kita dapat melihat apakah amalan terbaik iaitu amalan yang berkesan yang guru lakukan untuk menguruskan dua dimensi tersebut.

Penyataan Masalah

Tidak dinafikan pada era abad ke-21 ini, kesedaran ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan anak-anak telah berkembang berbanding dahulu. Jadi, terdapat persepsi ibu bapa yang menyatakan perkhidmatan yang disediakan oleh prasekolah swasta lebih baik berbanding prasekolah kerajaan. (Azizi et al, 2018). Jadi, muncul anda tanya adakah kualiti amalan pengurusan guru prasekolah dalam aspek persekitaran fizikal bilik darjah dan perancangan serta pelaksanaan aktiviti ini masih pada tahap yang kurang memuaskan.

Terdapat beberapa isu berkaitan amalan guru prasekolah yang dikenal pasti dalam pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah. Menurut kajian Kamisah et al (2011) dalam Che Nidzam et al (2013), aspek fizikal dalam persekitaran pembelajaran di sekolah masih berada pada tahap yang sederhana dan kurang memenuhi keperluan guru dan pelajar. Ini terbukti masih ada guru yang tidak mengaplikasikan dan memanfaatkan elemen pengurusan persekitaran fizikal dalam membantu meningkatkan proses pembelajaran dengan berkesan. Hal ini kerana segelintir guru mungkin tidak menyedari potensi ruang fizikal mempengaruhi pembelajaran. (Fulton, 1991). Beberapa elemen yang dikenal pasti menyebabkan ketidakselesaan adalah perabot, ruang, pencahayaan dan kualiti udara. (Salime & Nik Ghazali, 2016). Jadi, isu ini diketengahkan untuk melihat situasi dalam konteks prasekolah tentang bagaimana guru prasekolah menguruskan kesemua aspek tersebut bagi mewujudkan sebuah bilik darjah prasekolah yang kondusif.

Selain daripada isu pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah, terdapat juga isu dari segi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti dalam kalangan guru prasekolah. Pengurusan ini merujuk kepada pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Kajian Veenman (1984) dalam Abdul Halim & Nor Mashitah (2015) menyatakan guru kurang kreatif dalam menyediakan RPH yang berkesan kerana beberapa faktor seperti keliru dengan perkembangan murid, pemilihan bahan, kurang memahami polisi sekolah atau pendidikan negara. Nurul Farhanah & Aliza (2021) menyatakan bahawa salah satu permasalahan yang berlaku dalam dunia pendidikan pada masa kini adalah kurangnya ilmu pengetahuan dalam kalangan guru menyebabkan masalah kesukaran dalam membentuk BBM dan kemahiran guru dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Malahan, terdapat ramai guru prasekolah yang masih selesa menggunakan pendekatan tradisional dan terlalu kerap memberikan BBM berbentuk asbtrak seperti latihan, lembaran kerja atau buku kepada kanak-kanak. (Norshafinaz & Faridah, 2018).

Oleh itu, secara keseluruhannya menunjukkan kajian ini penting untuk mengkaji pengurusan dalam kedua-dua aspek ini dalam kalangan guru prasekolah bagi memudahkan proses pembelajaran murid. Seterusnya membantu guru meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pengurusan persekitaran fizikal serta perancangan dan pelaksanaan aktiviti di prasekolah.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Meneroka amalan guru prasekolah dalam pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah. Meneroka amalan guru prasekolah dalam pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti.

SOALAN KAJIAN

1. Apakah amalan guru prasekolah dalam pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah ?
2. Apakah amalan guru prasekolah dalam pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti?

TINJAUAN LITERATUR

Walaupun secara umumnya, pengurusan bilik darjah ini merangkumi skop yang luas selaras dengan kepelbagaian aspek pengurusan yang terkandung dalam Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (2013) dan Garis Panduan Pengurusan Prasekolah (2018), hanya dua aspek sahaja yang akan difokuskan berdasarkan kajian literatur yang lepas iaitu aspek pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah dengan perancangan dan pelaksanaan aktiviti.

Sebuah kajian daripada Noor Azman, Mazlina & Hamidah (2020) mengenai Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah menyatakan tentang empat pengurusan bilik darjah yang mana dua daripadanya merupakan pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah serta perancangan dan pelaksanaan aktiviti. Responden dalam kajiannya menguruskan ruang dan perabot secara selamat dengan merujuk panduan semasa kursus, pengalaman, kreativiti tersendiri, melihat contoh kelas lain atau perbincangan bersama PPM. Manakala dari aspek pengurusan aktiviti pula, aktiviti di dalam bilik darjah dilaksanakan sesuai

dengan tahap perkembangan kanak-kanak serta melibatkan kanak-kanak secara aktif seperti aktiviti bertema, berkumpulan, menyeronokkan, individu atau berkumpulan, projek, ICT dan eksperimen.

Kedua, adalah kajian Norzalikha & Suziyani (2018) yang menyatakan tentang ciri tadika berkualiti. Menurutnya, suasana persekitaran fizikal tadika ini perlulah memberi kebebasan kepada murid untuk meneroka, selesa, selamat, berwarna warni, menarik, peralatan yang mencukupi untuk menggalakkan murid belajar daripada sekeliling mereka. Kemudian, amalan aspek PdP murid pula hendaklah bersifat berkesan, bermakna, menyeronokkan, menerapkan kemahiran, membina keyakinan serta sikap positif kepada murid. Pendekatan yang boleh digunakan adalah belajar melalui bermain, aktiviti hands on, didik hibur dan penggunaan multimedia yang sangat menarik dan efektif.

Satu kajian daripada Marinah, Mohd Ezrizal Zakaria dan Ramlee Ismail (2018), ada menyatakan bahawa persekitaran fizikal yang berkualiti dan kondusif mampu mewujudkan kepuasan, kesejahteraan dan keselesaan dalam PdP. Jadi, beberapa aspek pengurusan persekitaran fizikal telah digariskan. Salah satunya adalah pengurusan dari segi susun atur perabot, ruang, pencahayaan, kualiti udara, warna, bahan dan sumber maklumat. Jelaslah bahawa kesemua aspek tersebut merupakan komponen utama dalam pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah.

Dari segi perancangan dan pelaksanaan aktiviti bilik darjah pula, kajian Norshafinaz dan Faridah (2018) menghuraikan bahawa rancangan mengajar perlu menitikberatkan perkembangan kanak-kanak, dimuatkan dengan objektif pengajaran, pendekatan, kaedah, teknik dan alat bantu mengajar yang sesuai. Kajian ini disokong oleh Nor Shahida (2021) di mana perancangan aktiviti yang bertepatan dengan isi pembelajaran akan memberi kesan positif kepada pengajaran guru. Kemudian, pemilihan kepelbagaian kaedah pengajaran yang sesuai juga dapat membantu kanak-kanak memahami isi pelajaran dan menarik perhatian mereka seterusnya meningkatkan prestasi pencapaian. (Abdul Halim, Nur Ellina & Nur Arifah, 2019).


METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif sesuai dengan tajuk, objektif dan persoalan kajian yang menjurus ke arah penerokaan, penemuan dan penerangan. Menurut Kamarul Azmi (2012), kajian kes membolehkan pengkaji berada lebih dekat dengan orang yang dikaji untuk membantu pemahaman yang lebih mendalam mengenai topik kajian.

Persampelan peserta kajian terdiri daripada persampelan bertujuan di mana dua orang guru prasekolah yang berasal dari lokasi yang berbeza iaitu di prasekolah kawasan bandar dan pedalaman. Menurut Sabitha (2005) dalam Chong, Zamri & Mohd Izham (2017), penekanan kajian kualitatif bukan kepada jumlah peserta kajian, tetapi aplikasi spesifikasi ciri amalan yang dilakukan oleh peserta kajian. Oleh itu, dua peserta kajian sudah mencukupi bagi mengkaji topik kajian ini secara mendalam. Namun begitu, dapatan amalan pengurusan persekitaran fizikal peserta kajian ini tidak mewaikili amalan semua guru secara keseluruhan.

Instrumen kajian yang akan digunakan adalah temu bual separa berstruktur di mana lebih fleksibel untuk pengkaji menambah, mengubahsuai dan meneroka soalan dengan lebih mendalam mengikut keperluan. Memandangkan bilangan subjektif kecil, kaedah triangulasi metodologi digunakan bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan di mana dapatan disokong oleh analisis dokumen atau imej yang berkaitan. Beberapa maklumat dokumen dan imej yang diperhatikan adalah seperti pelan lantai, rancangan pengajaran harian dan gambar-gambar yang bersesuaian dengan dua dimensi pengurusan yang difokuskan.

Proses pengumpulan data yang digunakan diadaptasi oleh Creswell (1988) dalam Othman (2022) bermula dengan mengenal pasti tapak atau individu yang disasarkan, mengumpul data menggunakan instrumen yang dipilih, kemudian merekod dan menyimpan data yang diperolehi tersebut sebelum dianalisis. Manakala proses penganalisan data pula dibuat secara berperingkat berdasarkan Creswell (2009) dalam kajian Ngqondi & Mauwa (2020) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2 di bawah.



Rajah 2 Analisis Data Kualitatif

Sumber: Creswell (2009) dalam Ngqondi & Mauwa (2020)

Berdasarkan analisa data di atas, teknik menganalisis data kualitatif bermula dari sumber data-data mentah seperti transkrip temu bual, imej dan dokumen berkaitan kajian yang telah dikumpulkan. Data-data ini akan diorganisasikan dan dipersiapkan proses analisisnya. Pengkaji akan melihat dan mendengar hasil temu bual secara berulang-ulang kali lalu merubah informasi tersebut ke dalam bentuk transkrip. Keseluruhan data akan dibaca untuk membentuk generalisasi pengertian umum dapatan. Selepas itu, proses pengekodaan dibuat untuk klasifikasikan mana-mana data yang dilihat dapat menjawab persoalan kajian. Data dikategorikan dalam tema dan sub tema lalu dihubungkaitkan dengan persoalan kajian. Akhir sekali, pengkaji akan menginterpretasi makna data yang diperoleh ke dalam bentuk narasi, jadual atau gambar yang lebih mudah difahami.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Amalan Guru Dalam Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah

Dapatan pertama menunjukkan kedua-dua peserta kajian mengamalkan susun atur mengikut kesesuaian di dalam bilik darjah prasekolah berdasarkan beberapa faktor. Antara faktor penyusunan yang sesuai yang dinyatakan adalah saiz ruang, pencahayaan, pengudaraan, bilangan murid, aspek keselamatan, laluan trafik pergerakan di dalam kelas serta kedudukan yang menggalakkan komunikasi antara murid. Kesemua faktor ini bertepatan dengan pendapat Marinah, Mohd Ezrizal dan Ramlee (2018) yang juga menekankan komponen pengurusan yang sama dalam memastikan persekitaran fizikal bilik darjah sentiasa selesa untuk murid. Pelan lantai yang disertakan oleh peserta kajian juga mematuhi ciri susun atur yang sesuai seperti kedudukan meja dan kerusi teratur mengikut bilangan murid, kedudukan murid berdekatan tingkap dan pintu untuk pengudaraan atau pencahayaan, susunan perabot yang sistematik, adanya laluan trafik yang memudahkan pergerakan serta kedudukan sudut serta ruang yang sesuai dalam bilik darjah prasekolah.

Selain itu, peserta kajian juga mewujudkan ruang pembelajaran yang menarik dan menjurus ke arah menggalakkan pemupukan minat murid untuk memanfaatkannya mengikut pilihan mereka. Hal ini

selaras dengan pendapat Norzalikha & Suziyani (2018) yang menyatakan bahawa suasana persekitaran prasekolah seharusnya menyediakan peluang murid untuk meneroka dengan bebas di sekeliling mereka. Vogel (2012) juga menyokong bahawa untuk menggalakkan pelbagai jenis main dan pembelajaran semula jadi kanak-kanak, ruang yang menggalakkan minat kanak-kanak perlu direka bagi selaras minat dan aktiviti mereka. Kesemua bahan yang disediakan di ruang pembelajaran peserta kajian sangat menarik minat murid dan murid bebas membuat pilihan aktiviti yang ingin mereka lakukan. Contohnya, buku cerita, replika bahan jual beli, peralatan permainan olok-olok, replika haiwan dan sebagainya. Perletakan jenis bahan dan peralatan yang sesuai di dalam setiap ruang pembelajaran mempengaruhi tahap aktiviti murid prasekolah untuk memaksimumkan penggunaan ruang di dalam bilik darjah. (Coe, 2020).

Seterusnya, pengkaji menganalisis bahawa peserta kajian mengamalkan amalan meletakkan sumber bahan di dalam bilik darjah dalam keadaan yang mudah diakses oleh muridnya. Contoh amalan pengurusan yang dilakukan adalah melabel alat tulis peribadi dan BBM dengan menggunakan gambar atau nama murid, mengasingkan sumber bahan mengikut kategori serta meletakkan bahan di dalam bekas yang sesuai dan di kawasan yang mudah diambil oleh murid prasekolah. Amalan ini selaras dengan panduan Knopf & Welsh (2010) yang menggariskan keperluan menyimpan bahan dalam keadaan baik supaya mudah diakses oleh kanak-kanak. Pada masa yang sama, bahan yang diletakkan di persekitaran pembelajaran termasuk pusat pembelajaran mestilah dipelbagaikan dan sesuai perkembangan kanak-kanak supaya mereka dapat berdikari mengaksesnya secara bebas. (Karlidag, 2021). Impaknya, murid memiliki panduan untuk mengguna pakai sumber bahan dengan mudah, persekitaran lebih kemas dan melatih murid bertanggungjawab atas barang masing-masing.

Di samping itu, guru juga ada mengamalkan amalan mengemaskini sudut pembelajaran di dalam bilik darjah prasekolah. Pengkaji mendapati bahawa maklumat di sudut pembelajaran ini boleh mempengaruhi kefahaman dan amalan rutin mahupun tingkah laku murid prasekolah. Misalnya, peserta kajian meletakkan info berkenaan isu semasa berkaitan *Corona Virus Disease 19 (Covid-19)* sebagai pendedahan kepada murid untuk mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) pencegahan wabak. Dapatan ini disokong oleh kajian Mahani & Ruzlan (2019) yang menjelaskan bahawa maklumat yang ditampal di kelas merupakan rujukan murid di samping menerapkan tingkah laku positif serta disiplin dalam kalangan murid. Dalam pada itu, dapatan juga menunjukkan peserta kajian sentiasa memperbaharui maklumat sudut mengikut keperluan sama ada pada awal tahun, setiap kali selepas PdP atau tambahan informasi terkini. Antara maklumat tersebut adalah hasil kerja murid, jadual waktu, carta hari jadi dan seumpamanya. Pandangan Koops & Kuebel (2018) sejajar dengan dapatan ini di mana sudut pembelajaran pada papan kenyataan ini berfungsi untuk mempamerkan hasil pembelajaran dan pertumbuhan murid dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, guru juga memastikan pencahayaan dan pengudaraan mencukupi di dalam bilik darjah prasekolahnya. Caranya adalah dengan membuka tingkap dan pintu supaya pencahayaan dan pengudaraan dapat keluar dan masuk serta menghidupkan lampu jika perlu. Selaras dapatan kajian Wan Nur Amirah et al. (2018), pencahayaan boleh ditingkatkan dengan dua cara iaitu sama ada dengan menyingkir halangan kepada cahaya cerah atau dengan tambahan cahaya buatan. Malahan, amalan peserta kajian juga berpadanan dengan saranan kajian Shera & Mohd Hanafi (2022) dalam memastikan murid menerima pengaliran udara yang baik serta pembelajaran yang kondusif. Tuntasnya, pengudaraan dan pencahayaan yang optimum ini sangat penting bagi keeselesaian aktiviti murid dan guru di dalam bilik darjah.

Dapatan terakhir temu bual amalan pengurusan persekitaran fizikal memaparkan bahawa guru mengamalkan rutin penjagaan kebersihan dan keselamatan dalam kalangan murid dan persekitaran bilik darjah prasekolah. Misalnya, rutin harian yang dinyatakan adalah sentiasa mencuci tangan, memastikan meja, kerusi dan lantai dibersihkan selepas waktu persekolahan dengan bantuan Pembantu Pengurusan Murid (PPM). Kata kunci rutin ini berkait rapat dengan kenyataan Khairunnisa, Eti & Maulidya (2021) yang menyatakan bahawa guru berperanan dalam memantau pemeriksaan rutin kebersihan diri serta galakan amalan gaya hidup harian kanak-kanak. Peserta kajian bukan hanya memantau kebersihan harian, tetapi juga rutin kebersihan mingguan dan bulanan. Bagi aspek keselamatan pula, murid yang

bergejala tidak dibenarkan datang ke sekolah untuk mengelakkan jangkitan sama seperti salah satu senarai amalan langkah keselamatan yang dinyatakan oleh Syed Lamsah (2021). Sementara itu, guru juga perlu peka dengan sebarang peralatan yang rosak dan memastikannya diservis supaya selamat untuk digunakan.

Amalan Guru Dalam Pengurusan Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti

Seterusnya adalah dapatan dan perbincangan berkaitan amalan guru dalam dimensi pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti. Antara amalannya adalah pelaksanaan aktiviti bersesuaian dengan tahap perkembangan murid prasekolah sama seperti dapatan kajian literatur Noor Azman, Mazlina & Hamidah (2020). Zaleha (2017) menyatakan amalan ABP ini penting bagi mengekalkan minat murid. Dalam kajian ini, peserta kajian memilih untuk menggunakan kaedah, pendekatan atau bahan aktiviti yang bersesuaian dengan peringkat umur, kebolehan murid serta berperingkat tahap kesusahannya. Dengan itu, objektif aktiviti mudah dicapai oleh murid. Dapatan ini selaras pandangan Norshafinaz dan Faridah (2018) & yang menitikberatkan perkembangan kanak-kanak dalam rancangan mengajar. Jadi, jelaslah bahawa amalan aktiviti bersesuaian perkembangan (ABP) ini sangat sesuai diamalkan oleh seseorang guru prasekolah untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti yang dilaksanakan. Contoh aktiviti yang dilakukan peserta kajian adalah bacaan buku cerita mengikut urutan suku kata, kolaj mudah, melukis secara bebas mengikut imaginasi, menguli doh dan bermain anak patung.

Dapatan kedua pula menunjukkan berlaku amalan pementoran dalam kalangan murid prasekolah. Setelah dianalisis, pengkaji mendapati kedua-dua peserta kajian mengamalkan satu amalan iaitu meletakkan seorang murid yang mempunyai kebolehan untuk membimbing rakan-rakan lain yang lemah dalam satu meja yang sama dalam aktiviti. Reddy (2018) menyokong amalan ini di mana guru harus melibatkan rakan sebaya sebagai mentor (*peer mentoring*) dalam pembelajaran murid prasekolah. Kaedah kolaboratif bersama murid dalam PdP ini menunjukkan guru perlu kreatif dengan kaedah PdP yang dijalankan sebagaimana yang dinyatakan oleh Nor Shahida (2021) iaitu kepelbagaian kaedah pengajaran yang sesuai dapat membantu kanak-kanak memahami isi pembelajaran dan meningkatkan prestasi pencapaian. Malahan, amalan ini bermanfaat kepada kedua-dua pihak murid. Murid yang pandai ini dapat dipupuk dengan sikap kepimpinan manakala murid yang lemah mendapat bimbingan semasa melakukan aktiviti.

Dalam pada itu, amalan pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti kedua-dua peserta kajian turut menunjukkan persamaan dari segi pemilihan BBM di mana mereka menggunakan BBM yang sesuai dan mampu menarik minat murid dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti mereka. Perkara ini bertepatan dengan panduan Alizah & Zamri (2019) yang menyenarikan BBM perlulah sesuai dari segi aktiviti dan topik pembelajaran yang diajar bagi meningkatkan keberkesanan proses PdP. Kajian Nurul Farhanah & Aliza (2021) turut sama menyokong dapatan ini kerana penggunaan BBM yang menarik mampu menjadikan PdP lebih menyeronokkan lalu menarik fokus murid kepada apa yang diajarkan oleh guru. Antara ciri BBM yang digunakan peserta kajian bagi menarik minat murid adalah interaktif, warna-warni, *hands-on* dan mampu melibatkan murid secara aktif semasa aktiviti PdP di dalam bilik darjah. Lebih menarik, salah seorang peserta kajian yang berpengalaman dalam bidang menunjukkan beliau sangat kreatif kerana mampu mencambahkan pelbagai aktiviti walaupun hanya menggunakan satu BBM sahaja. Hal ini bercanggah dengan pendapat Salmiah & Siti Eshah (2016) dalam kajian Siti Khadzifah, Ahmad & Mohd Yakub (2021) tentang guru kurang berkemahiran dalam mengendalikan BBM. Sesungguhnya, masih terdapat guru yang cekap menggunakan BBM dengan baik cuma bergantung kepada kepakaran masing-masing.

Dapatan terakhir adalah peserta kajian mengintegrasikan elemen tambahan dalam aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan. Antara elemen yang diselitkan secara tidak langsung oleh kedua-dua peserta kajian dalam aktiviti adalah seperti nilai murni, elemen merentas kurikulum (EMK) dalam KSPK dan Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK). Triangulasi data dibuat menggunakan contoh RPH yang oleh kedua-dua peserta kajian membuktikan berlakunya gabungjaln ketiga-tiga elemen tersebut dalam rancangan dan pelaksanaan aktivitinya. Penerapan elemen nilai murni dan sivik dalam

PdP ini disokong oleh Othman (2010) dalam Sefiah et al. (2018) kerana amalan ini merupakan asas pembangunan dan pembentukan nilai murid yang bermoral serta beretika. Pengintegrasian EMK dan TMK dalam PdP pula selaras dengan kajian Le Yee & Suziyani (2021) dalam usaha menambah minat dan keberkesanan PdP. Selanjutnya, pengkaji mentafsirkan bahawa peserta kajian berkemahiran untuk membina slaid PdP yang tersendiri berdasarkan dapatan temu bual yang direkodkan. Jelaslah bahawa, amalan mengintegrasikan elemen tambahan seperti nilai murni, EMK dan TMK dalam PdP ini mampu meningkatkan keberkesanan PdP.

CADANGAN

Limitasi kajian ini hanya terbatas kepada dua dimensi amalan guru dalam pengurusan bilik darjah prasekolah secara umum sahaja iaitu amalan pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah serta perancangan dan pelaksanaan aktiviti. Rentetan daripada itu, skop kajian ini perlu diperluaskan lagi untuk kajian lanjutan pada masa akan datang dalam usaha meningkatkan kualiti pengurusan prasekolah di Malaysia. Antara skop kajian yang boleh diteliti dalam mengisi kelompangan kajian sedia ada ini ialah mengkaji salah satu dimensi pengurusan tersebut dengan lebih spesifik supaya dapatan lebih luas dan terperinci. Kedua, pengkaji mendapati amalan guru dalam pengurusan bilik darjah antara kawasan bandar dan pedalaman mempunyai perbezaan. Ini menunjukkan faktor demografi boleh mempengaruhi amalan guru dalam pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah serta perancangan dan pelaksanaan aktiviti. Maka, kajian perbandingan boleh dibuat antara pengurusan di bandar dengan pedalaman. Selain daripada itu, terdapat kekangan yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam usaha mengaplikasikan amalan pengurusan dua aspek ini dengan kreatif dan berkesan. Jutseru itu, kajian kes serupa berbentuk kualitatif juga boleh dibuat untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengurusan tersebut. Memandangkan sampel kajian hanya menggunakan dua orang guru prasekolah, jadi persampelan peserta kajian tersebut boleh diperluaskan untuk mengkaji tahap pelaksanaan atau mengkaji peratus pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam dua aspek pengurusan tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, terdapat pelbagai amalan guru dalam pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah serta perancangan dan pelaksanaan aktiviti ini. Melalui kajian ini, guru mengamalkan amalan memastikan susun atur yang sesuai, mewujudkan ruang pembelajaran yang menarik, sumber bahan mudah diakses, sentiasa mengemaskini sudut pembelajaran, memastikan pengcahayaan dan pengudaraan mencukupi serta mengamalkan rutin kebersihan dan keselamatan. Kesemua dapatan tersebut menjurus kepada ciri persekitaran fizikal bilik darjah yang kondusif untuk murid belajar. Berdasarkan persoalan kajian kedua iaitu pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti, guru prasekolah menekankan amalan aktiviti bersesuaian perkembangan kanak-kanak, menggalakkan *peer mentoring* dalam kalangan murid, menggunakan BBM yang sesuai dan menarik serta mengintegrasikan elemen tambahan dalam aktiviti seperti elemen nilai murni, EMK dan TMK. Keempat-empat dapatan ini membantu guru dalam pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti dengan lebih berkesan.

Kajian ini juga memberi implikasi kepada beberapa pihak. Salah satunya adalah kepada guru itu sendiri di mana guru dapat meningkatkan kualiti dan profesionalisme dalam menguruskan bilik darjah dengan lebih berkesan. Murid juga dapat mengoptimalkan perkembangan mereka melalui suasana yang kondusif dan menarik. Pihak kementerian juga mendapat manfaat untuk meneliti pengurusan sebenar persekitaran fizikal dan aktiviti untuk membantu sebarang penambahbaikan. Walau bagaimanapun, setiap guru prasekolah mempunyai gaya tersendiri untuk menguruskan bilik darjah masing-masing mengikut keperluan dan kehendak semasa.

Justifikasinya, guru-guru prasekolah yang seharusnya menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah serta perancangan dan pelaksanaan aktiviti dengan baik. Kemudian, guru boleh menguruskannya mengikut kreativiti sendiri.

Rujukan

- Abdul Halim Masnan, Nur Ellina Anthony, & Nur Arifah Syahindah Zainudin. (2019). Pengetahuan Pengajaran Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 33-41.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamood (2019). Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(33), 78-94.
- Aney Amin, Marinda Muhammad & Norasmah Othman. (2019). Pengurusan Bilik darjah Guru Baharu yang Mengikuti Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB). *Malaysian Journal of Education*, 44 (1).
- Azizi Yahaya, Siti Zulhia Radhi Mukkus, Ismail Maakip, Peter Voo, Pg. Razmahayati Pg. Mahmud, Zeliha Mohamad Ali, Hanun Ahmad, Jayathi a/p Murugesu, Halimah Maalip & Gooch Mo Lee. (2018). Persepsi Ibu Bapa Terhadap Pra-Sekolah Kerajaan Dan Pra-Sekolah Swasta Di Daerah Segamat, Johor. *Conferecnce: Simposium Kebangsaan Kanak-kanak dan Keluarga*. Dimuat turun pada 1 Mac 2022 daripada https://www.researchgate.net/publication/329206287_Persepsi_Ibu_Bapa_Terhadap_PraSekolah_Kerajaan_Dan_SwastaDi_Daerah_Segamat_Johor.
- Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Putih & Mohd Hairiy Ibrahim. (2013). Pengaruh Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Terhadap Tahap Keselesaian Pengajaran Dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 6, 0.
- Chong, O. S., Zamri Mahamod, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2017). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Melayu Negeri Sarawak: Satu Kajian Kes (Exploring Teaching Methods of Sarawak Malay Language Excellent Teacher: A Case Study). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 93-108.
- Coe, D. P. (2020). Means of optimizing physical activity in the preschool environment. *American journal of lifestyle medicine*, 14(1), 16-23.
- Fulton, R. D. (1991). *A Conceptual Model for Understanding The Physical Attributes Of Learning Environment In Creating Environment For Effective Adult Learning: New Direction For Adult And Continuing Education*. San Francisco: Josset-Bass In Publisher.
- Le Yee, C., & Suziyani Mohamed. (2021). Kemahiran Guru dalam Mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pembelajaran di Prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 44-53.
- Karlidag, I. Ö. (2021). Creating Learning Environments in Preschool Classrooms: Perspectives of Pre-Service Preschool Teachers. *International Journal of Progressive Education*, 17(3), 327-342.
- Khairunnisa Ulfadhilah, Eti Nurhayati & Maulidya Ulfah. (2021). Implementasi Layanan Kesehatan, Gizi, dan Perawatan dalam Menanamkan Disiplin Hidup Sehat. 9 (1). *ThufuLA: Jurnal Inovasi Pendidikan Guru Raudhatul Athfal*, 9(1), 115-134.
- Khalip Musa & Rofidah Mohd Nasir. (2018). Amalan Kepimpinan Guru dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Daerah Bagan Datuk, Perak. *Management Research Journal*, 7, 100-116.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1*. Dimuat turun pada 26 Oktober 2020 daripada http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengmpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf.
- Knopf, H. T., & Welsh, K. L. (2010). Preschool materials guide. Child Development Research Center, University of South Carolina. <http://www.sc-crr.org/media/736/preschool-materials.pdf>.
- Koops, L. H., & Kuebel, C. R. (2018). Observations of and perspectives on musical enjoyment in the preschool classroom. *Contributions to Music Education*, 43, 59-76.
- Reddy, M. S. (2018). Factors Influencing Early Reading Skills Among Pre-School Children In Malaysia. *Language in India*, 18(1), 140-146.
- Mahani Ahmad & Ruzlan Md Ali. (2019). Penerapan Kemahiran Insaniah Melalui Penggunaan Bahan Sumber dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Sekolah Rendah Application of Soft Skills through the Use of Materials in Primary and Secondary Mathematics Teaching and. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 16 (1), 93-104.

- Marinah Awang, Mohd Ezrizal Zakaria & Ramlee Ismail. (2018). Hubungan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah dan Kesejahteraan dan Kesselesaian Pembelajaran dan Pengajaran. *Management Research Journal* 7: 86-99.
- National Association for the Education of Young Children [NAEYC]. (2011). *Teaching: Accreditation of Programs for Young Children, Standard 3, 9 & 10*. Washington, DC: NAEYC Accreditation.
- Noor Azman Hanif, Mazlina Che Mustafa & Hamidah Yusof. (2020a). Kajian Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Ke Arah Pembentukan Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah. *Muallim Journal Of Social Science and Humanities*. Vol 4, Issue 2, 119- 136.
- Noor Azman Hanif, Mazlina Che Mustafa & Hamidah Yusof. (2020b). Kebolehgunaan Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah. *Muallim Journal Of Social Science and Humanities*. Vol 4, Issue 3, 90-98.
- Norshafinaz Abdul Sani & Faridah Yunus. (2018). Amalan perancangan, pelaksanaan, dan pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran pranumerasi di Tadika Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 101-110.
- Nor Shahida Munawir. (2021). Kepelbagaian Pengajaran Guru Prasekolah Bagi Mencapai Strategi Pengajaran: Satu Kajian Kes Di Negeri Perak Dan Selangor. *Jurnal Kesidang*, 6(1), 30-43.
- Norzalikhah Buyong & Suziyani Mohamed. (2018). Ciri-Ciri Tadika Berkualiti. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)*. Dimuat turun pada 1 Mac 2022 daripada http://conference.kuis.edu.my/ispen/wp-content/uploads/2018/08/24_zalikhah.pdf.
- Ngqondi, T., & Mauwa, H. (2020). Information Technology Governance Model For A Low Resource Institution With Fragmented It Portfolio. *South African journal of higher education*, 34(3), 246-262.
- Nurul Farhanah Bakar & Aliza Alias. (2021). Pengetahuan dan Kemahiran Guru Mengenai Bahan Bantu Mengajar bagi Matematik Awal di Prasekolah [The Knowledge and Skills of Teachers about Teaching Aids for Early Mathematics at Preschool]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(4), 124-132.
- Othman Lebar. (2022). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode Edisi Kedua*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Salime Ab Rahman & Nik Ghazali Nik Md Amin. (2016). Hubungan Antara Persekitaran Bilik Darjah Kondusif dan Motivasi Pembelajaran Pelajar IPGK Sultan Mizan, Besut. In *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Pendidik Guru 2016* (p. 440).
- Sefiah Ab Kahar, Miller Yong, Jean Martin & George Thomas. (2018). Amalan Rutin Memupuk Pembentukan Sahsia Kanak-Kanak Prasekolah. Simposium Kebangsaan Kanak-Kanak dan Keluarga.
- Shera Joufflin & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2022). Persekitaran Fizikal Pembelajaran dan Indeks Kesselesaian Guru Program Pendidikan Khas Integrasi Daerah Kota Kinabalu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 59-72.
- Siti Khadzibah Kaimin, Ahmad Yussuf, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. (2021). Masalah Dan Cabaran Guru Tahfiz Dalam Pelaksanaan Pengajaran Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah Di Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Slavin, R. (1994). *A Theory Of School And Classroom Organization Slavin, (Ed), School And Classroom Organization*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Syed Lamsah Syed Chear, Sareena Hanim Hamzah, Norhayati Mohd Zin, Fadliha Darini, Irma Syuryani Jaswir, Norsyahida Mat Nazir. (2021). Pematuhan Prosedur Operasi Standard Di Tadika Swasta Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Journal of Social Science (EJOSS)*, 7 (2), 23-33.
- Vogel, N. (2012). Arranging the Active Learning Environment. ReSource, 11. Diakses pada 20 Jun 2022 daripada https://www.ncn.ie/images/resourcespring2012_learnenvironment.pdf
- Wan Nur Amirah Ibrahim, Zainora Mohammed, Norliza Mohamad Fadzil, Sumithira Narayanasamy & Mohd 'Izzuddin Hairol. (2018). Perubahan Tahap Pencahayaan Dalam Bilik Darjah Di Sebuah Sekolah Pendidikan Khas Cacat Penglihatan Dan Perbandingan Tahap Pencahayaan Di Bawah Keadaan Pencahayaan Yang Berbeza. *Sains Malaysiana*, 47(8), 1835-1842.
- Zaleha Damanhuri. (2019). Perkembangan main dalam kalangan kanak-kanak awal. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 2(1), 144-155.